

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW

TARIKH : 22 MAC 2023

SOALAN

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme pembiayaan pembangunan Putrajaya dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan untuk membangunkan Putrajaya sehingga sekarang.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Induk Putrajaya 1995 (PIP 1995) merupakan pelan yang menjadi asas dalam perancangan pembangunan Putrajaya. Pelan tersebut telah menggariskan cadangan untuk membangunkan pusat pentadbiran persekutuan bertamasyediakan asas perancangan terperinci reka bentuk dan pelaksanaan.
2. Putrajaya dibangunkan melalui kaedah penswastaan di mana pada 30 Ogos 1995, Kerajaan telah meluluskan penubuhan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PjHSB), iaitu sebuah syarikat usaha sama antara PETRONAS (40%), Khazanah Holdings (40%) dan Kumpulan Wang Amanah Negara (20%) untuk melaksanakan pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.
3. Kerajaan telah bersetuju melantik PjHSB sebagai pemegang konsesi serta diberi mandat untuk mengatur pembiayaan dan membina bangunan Kerajaan, kuarters, ruang komersial, rumah persendirian, infrastruktur tempatan bagi kawasan komersial dan kediaman di Putrajaya. Melalui mekanisme ini, pembiayaan pelaksanaan pembangunan projek Putrajaya tidak akan mengganggu perancangan belanjawan negara keseluruhannya pada ketika itu dan lebih praktikal untuk jangka panjang.

NO SOALAN: 37

4. Berdasarkan dokumen kontrak dan rekod kos projek pembangunan sehingga 31 Disember 2021, jumlah kos pembangunan Putrajaya berjumlah RM26.357 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN

TARIKH : 27 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATO' AJIS BIN SITIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk mengurangkan masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan-kawasan perumahan di Kuala Lumpur seperti yang berlaku di Bandar Tasik Selatan, Bandar Baru Sentul dan sebagainya.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa perancangan awal sekitar tahun 1980an dan 1990an, keperluan tempat letak kereta ditetapkan berdasarkan piawaian 1 tempat letak kereta bagi setiap 4 unit kediaman. Piawaian ketika itu mengambil kira kemampuan pemilikan kenderaan dalam kalangan penduduk serta kos pembinaan yang tinggi.
2. Kadar semasa tempat letak kereta yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 2015 bagi pembangunan kediaman Rumah Mampu Milik ialah 1 tempat letak kereta bagi setiap unit kediaman dan tambahan 10% tempat letak kereta bagi pelawat. Manakala tempat letak kereta pembangunan kediaman harga bebas adalah berdasarkan kepada harga rumah seunit.
3. Sementara itu, 2 tempat letak kereta per 1 unit kediaman diperuntukkan kepada unit kediaman yang berharga RM400,000 sehingga RM750,000 berdasarkan Garis Panduan Perancangan Keperluan Tempat Letak Kereta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Edisi 2023. DBKL juga telah mengambil tindakan untuk menambah bilangan tempat letak kereta dengan membangunkan tempat letak kereta bertingkat khususnya di kawasan perumahan awam (PA) dan Program Perumahan Rakyat (PPR).
4. Pada masa ini, DBKL juga telah menyediakan 14 bangunan tempat letak kereta bertingkat (TLKB) khususnya di Kawasan Perumahan Awam dan Program Perumahan Rakyat dengan bilangan petak parkir sebanyak 7,785 unit bagi mengurangkan kesesakan tempat letak kereta PPR/PA. Untuk makluman, sehingga

kini 13 TLKB telah siap dibangunkan manakala 1 TLKB masih lagi dalam pembangunan.

5. Sebagai langkah jangka panjang, DBKL melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 telah mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam sebagai langkah mengurangkan pergantungan kenderaan persendirian. Ianya selaras dengan Halatuju Strategik Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 yang telah diwartakan pada 30 Oktober 2018 iaitu Membangunkan Infrastruktur Pengangkutan yang lebih mampan bersepadu dan mesra alam sekitar. Halatuju ini disokong oleh enam (6) inisiatif utama iaitu :

- i. Rangkaian Perancangan Transit Bersepadu;
- ii. Mengembangkan Rangkaian Rel Bandar dengan Rangkaian Rel Wilayah;
- iii. Terminal Pengangkutan Bersepadu dan Kemudahan Park & Ride;
- iv. Mewujudkan Fungsi Hierarki Jalan;
- v. Memberi Keutamaan kepada Perkhidmatan Bas; dan
- vi. Membangunkan Pelan Transformasi Teksi.

6. Selain itu, DBKL turut merangka penyediaan kemudahan *park and ride* dan *first mile and last mile* bagi menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam. Ini termasuklah perkhidmatan percuma Bas GoKL untuk kegunaan warga kota.

7. Berdasarkan Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040 (PITKL2040), antara objektif yang digariskan adalah mensasarkan pencapaian nisbah pisah ragam (mode split) kepada 70 peratus penggunaan pengangkutan awam berbanding 30 peratus penggunaan kenderaan persendirian. Langkah inisiatif yang dicadangkan di dalam pelan induk PITKL2040 tersebut hanya boleh dicapai dengan mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan kenderaan persendirian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 27 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan melaksanakan usaha pembangunan infrastruktur di Wilayah Persekutuan Labuan yang masih tidak mempunyai fasiliti setanding dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha membangun dan mempertingkat infrastruktur di Labuan telah dilaksanakan dan ada yang sedang dalam perancangan. Pembangunan di Labuan dirancang menerusi beberapa pelan pembangunan infrastruktur seperti berikut:

- (i) Blueprint Pembangunan Labuan 2030 telah mengenalpasti 5 projek pemangkin yang mengandungi 8 komponen dan 4 program berkaitan infrastruktur;
- (ii) Rancangan Pemajuan Labuan 2040 disediakan untuk menyediakan pelan pembangunan menyeluruh termasuk pembangunan pengangkutan, infrastruktur dan utiliti;
- (iii) Pelan pembangunan jangka sederhana dan jangka panjang sedang dirangka untuk mengukuhkan bekalan elektrik antaranya adalah seperti cadangan baharu stesen janakuasa serta program menaiktaraf serta penggantian sistem bekalan;
- (iv) Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP) 2040 sedang disediakan untuk pelaksanaan naiktaraf serta cadangan baharu rangkaian jalan di Wilayah Persekutuan Labuan;
- (v) Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) untuk mengurus sistem perparitan jangka panjang bagi Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- (vi) Cadangan pembangunan baharu dengan anggaran kos sebanyak RM194 juta untuk menaiktaraf sistem bekalan air WP Labuan

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek-projek berkaitan infrastruktur dan kemudahan awam telah dilaksanakan di bawah seliaan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) melalui Perbadanan Labuan. Projek-projek tersebut meliputi pelbagai infrastruktur seperti jalan raya dan laluan pejalan kaki berbumbung serta kemudahan awam seperti taman rekreasi, pasar dan gerai-gerai. Pelaksanaan projek pembangunan ini adalah menerusi Rancangan Malaysia (RMK) seperti berikut:

- RMKe-9 sebanyak 14 projek,
- RMKe-10 sebanyak 5 projek; dan
- RMKe-11 sebanyak 13 projek.

3. Bagi RMKe-12 pula, 1 projek baru telah dilaksanakan bermula daripada *Rolling Plan 1 (RP1)* Tahun 2021 dan sebanyak 3 projek dilaksanakan di bawah RP2 Tahun 2022. Pada tahun ini iaitu RP3 Tahun 2023, status projek-projek infrastruktur dan kemudahan awam semasa di bawah seliaan JWP adalah seperti berikut:

- (i) **Pembinaan Jalan Pesisir Pantai Dari Membedai Ke Tanjung Aru, WP Labuan** yang telah siap pada 23 November 2021 dengan kos berjumlah RM132.3 juta dan kini masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan;
- (ii) **Menaiktaraf Pasar Sentral Labuan** yang dalam peringkat pelaksanaan dengan kos projek berjumlah RM1 juta;
- (iii) **Projek Smart City Labuan Fasa 1** yang dalam peringkat pelaksanaan dengan kos projek berjumlah RM5.3 juta;
- (iv) **Menaiktaraf Anjung Selera Milik Perbadanan Labuan** yang dalam peringkat pelaksanaan dengan kos projek berjumlah RM3 juta;
- (v) **Dewan Komuniti Kampung Patau-Patau 1, WP Labuan** yang dalam peringkat pelaksanaan dengan kos projek berjumlah RM3 juta;
- (vi) **Menaiktaraf Jambatan Patau-Patau 1, WP Labuan** yang dalam proses penyediaan dokumen tender; dan

NO SOALAN: 25

- (vii) **Pembinaan Cell Sanitary Landfill Dan Naik Taraf Leachate Treatment Plan WP Labuan** yang dalam proses tender.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 28 MAC 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peruntukan Kerajaan yang disalurkan untuk tujuan penyelenggaraan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) tahunan dan adakah PICC masih menjana pendapatan kepada Kerajaan melalui sewaan daripada pihak Kerajaan dan swasta.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah bajet mengurus B32 peruntukan Kerajaan Persekutuan disalurkan kepada Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bagi tujuan penyelenggaraan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

Peruntukan	Tujuan	Jumlah	Tahun
Mengurus (B32)	Selenggara	RM8,000,000	2021
	Selenggara	RM8,000,000	2022
	Selenggara	RM5,000,000	2023

2. Dalam keadaan di mana peruntukan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Perbadanan Putrajaya tidak mencukupi untuk penyelenggaraan PICC, kos penyelenggaraan rutin adalah ditanggung oleh Perbadanan Putrajaya melalui hasil sewaan ruang-ruang komersial PICC yang dijana melalui anak syarikatnya Pulse Group Sdn.Bhd.

3. PICC masih menjana pendapatan menerusi hasil sewaan ruang komersil PICC. Berdasarkan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya bagi Tahun Berakhir 2022, jumlah hasil sewaan ruang komersial PICC yang diperoleh oleh Pulse Group Sdn.Bhd. daripada agensi Kerajaan adalah sebanyak RM9,779,283 dan daripada pihak Swasta sebanyak RM5,231,280.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 29 MAC 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peratusan unit kediaman di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) DBKL yang disewa oleh golongan B40 mengikut pecahan Parlimen dan apakah langkah yang diambil DBKL untuk memastikan unit tersebut hanya disewakan kepada golongan B40 yang benar-benar layak.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah **41,868** unit adalah merupakan unit sewa di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) setakat bulan Disember 2022. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **31,245** unit merupakan golongan kategori B40 iaitu bersamaan **74.61%**.
2. Berdasarkan peratusan ini, dapatlah dirumuskan bahawa majoriti penghuni di kawasan perumahan PPR dan PA di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) terdiri daripada golongan B40 yang benar-benar layak dan masih berada di bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan. Peratusan unit kediaman di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) DBKL yang disewa oleh golongan B40 mengikut pecahan Parlimen adalah seperti berikut:

Bil	Parlimen	Jumlah Unit Sewa	Jumlah Unit Disewa Oleh B40	Peratus(%) Unit Sewa B40
1	Bandar Tun Razak	8,024	6,504	81.06%
2	Cheras	5,027	3,183	63.32%
3	Titiwangsa	2,805	2,421	86.31%
4	Bukit Bintang	1,125	770	68.44%
5	Seputeh	7,087	3,992	56.33%

Bil	Parlimen	Jumlah Unit Sewa	Jumlah Unit Disewa Oleh B40	Peratus(%) Unit Sewa B40
6	Lembah Pantai	4,031	2,622	65.05%
7	Segambut	TIADA PPR/PA DI BAWAH DBKL		
8	Batu	7,239	6,035	83.37%
9	Kepong	948	777	81.96%
10	Wangsa Maju	1,408	1,119	79.47%
11	Setiawangsa	4,174	3,822	91.57%
JUMLAH KESELURUHAN		41,868	31,245	-

3. Bagi memastikan unit PPR dan PA ini ditawarkan kepada golongan B40 yang benar-benar layak DBKL melaksanakan proses berikut:

- 1) Semasa pendaftaran permohonan kali pertama, DBKL membuat semakan terhadap pendapatan seisi rumah pemohon dan pasangan serta membuat semakan pemilikan harta pemohon dan pasangan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi memastikan hanya pemohon yang pendapatan isirumahnya di bawah RM3,000.00 sebulan yang diluluskan.
- 2) Selepas menyewa selama 3 tahun, ketua isirumah yang menyewa dikehendaki untuk membuat permohonan lanjutan tempoh penyewaan kepada DBKL. Penyewa perlu memenuhi syarat lanjutan tempoh perjanjian kontrak penyewaan perumahan PA/PPR iaitu pendapatan isi rumah hendaklah tidak melebihi RM5,880.00 sebulan berdasarkan garis panduan Pendapatan Garis Kemiskinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2020.
- 3) DBKL juga sentiasa melaksanakan pemantauan dan

NO SOALAN: 34

tinjauan secara berkala untuk memastikan penyewa adalah daripada golongan B40. Sekiranya ada yang bukan daripada golongan yang layak, tindakan di ambil oleh DBKL untuk meminta penghuni berkenaan keluar dari rumah PPR/PA tersebut. Tindakan yang berkaitan melibatkan beberapa proses seperti menamatkan perjanjian penyewaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Lanjutan Tempoh Penyewaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 30 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa Belanjawan DBKL bagi tahun 2023 yang berjumlah RM2.604 billion terdiri daripada belanja operasi sebanyak RM1.96 billion (75 peratus) dan bagi belanja pembangunan sebanyak RM643 juta (25 peratus). Dengan perbelanjaan pembangunan yang hanya 25 peratus, adakah ia secara langsung menjaskan banyak kerja-kerja seperti projek-projek untuk mengatasi banjir, pasar, gerai dan kemudahan warga kota lain yang tidak dapat dilaksanakan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbelanjaan pembangunan melibatkan 25 peratus (RM643 juta) daripada perbelanjaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tahun 2023 telah mengambil kira projek sedia ada (sambungan) dan baru yang telah diluluskan. Setiap projek pembangunan di Kuala Lumpur melibatkan proses Perancangan, Pembinaan dan seterusnya Penyiapan projek yang akan mengambil tempoh masa beberapa tahun. Ini termasuk juga, perancangan projek bagi mengatasi banjir, pasar, gerai dan kemudahan warga kota Kuala Lumpur berdasarkan aliran kewangan peruntukan mengikut tahun perlaksanaan projek-projek tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 3 APRIL 2023 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa kita difahamkan masih ramai warga kota Kuala Lumpur dalam golongan B40 yang masih menunggu dalam sistem pemohonan untuk menyewa rumah kos rendah daripada DBKL. Apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menangani masalah tempoh menunggu yang terlalu lama, dan adakah terdapat rancangan seperti membina rumah-rumah kos rendah bagi membantu golongan B40 ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, sebanyak 1,091 permohonan telah diluluskan dalam sistem pemohonan rumah kos rendah DBKL untuk ditawarkan penyewaan unit rumah. Namun begitu, hanya terdapat 235 unit rumah kosong yang sedia untuk tawarkan. Bagi memenuhi permohonan ini, pihak DBKL telah mengambil beberapa usaha dan menyediakan unit rumah yang kosong untuk tawaran seperti berikut:

- 1) Meningkatkan bilangan unit kosong melalui tindakan penguatkuasaan secara berkala dan bersasar mengikut zon/kawasan ke atas penghuni tidak sah (PTS), penghuni tidak menetap (PTM), penyewaan semula unit kepada pihak ketiga, ketua penyewa yang terlibat dengan penyalahgunaan najis dadah, maksiat dan lain-lain kes yang melanggar peraturan yang berkuatkuasa. Secara purata jumlah unit yang boleh diperoleh dalam tempoh setahun melalui tindakan penguatkuasaan adalah sebanyak 350 unit.
- 2) Memberikan keutamaan tawaran kepada pemohon yang tidak menetapkan syarat tertentu dan tidak melayan kerena pemohon untuk mendapatkan rumah yang memberikan alasan seperti berikut:
 - (i) Lokasi penempatan yang jauh dari sekolah anak, jauh dari tempat kerja, jauh dari ibu bapa yang sakit dan menyukarkan mereka untuk menjaga segala keperluan; dan

- (ii) Majoriti memohon penempatan di pusat bandar dan menolak tawaran unit di pinggir bandar yang lebih jauh.
- 3) Bagi pelan jangka panjang pula DBKL sedang merancang untuk pelaksanaan pembangunan semula Kawasan PA/PPR yang telah usang.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan menerusi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memperkenalkan dan menyediakan Rumah Majlis atau *Council Home* (CH) yang merupakan salah satu inisiatif DBKL untuk membantu warga kota dalam mengurangkan beban kos sara hidup di Kuala Lumpur.
4. Melalui inisiatif *Council Home* ini, unit-unit kediaman dengan keluasan minimum 750 kaki persegi (kps) dibina menggunakan peruntukan pembangunan DBKL di atas tapak-tapak milik DBKL. Setiap unit *Council Home* akan mempunyai tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air serta dibekalkan dengan satu (1) petak tempat letak kereta (TLK). Selain itu, *Council Home* ini turut mempunyai kemudahan atau fasiliti asas bagi kemudahan para penghuninya.
5. Unit-unit *Council Home* ini tidak akan dijual sebaliknya disewakan kepada warga kota yang berkelayakan untuk suatu tempoh transit yang tertentu.
6. Inisiatif *Council Home* ini menyasarkan pemberian sewa kepada golongan warga kota yang berpendapatan sederhana untuk tempoh masa antara tiga hingga lima tahun. Di sepanjang tempoh tersebut, penyewa akan menikmati kadar harga sewaan bulanan yang lebih rendah berbanding harga sewaan pasaran. Penjimatan bulanan yang diperolehi tersebut boleh disimpan dan digunakan oleh para penyewa bagi tujuan pembayaran deposit pembelian rumah sendiri setelah tempoh sewaan berakhir.
7. Harga sewaan bulanan *Council Home* adalah ditentukan berdasarkan faktor keluasan unit dan lokasi. Sebagai contoh, harga

NO SOALAN: 40

sewaan bulanan bagi unit-unit *Council Home* di Sg.Udang Segambut berkeluasan 807kps buat masa ini adalah ditetapkan sebanyak RM850 sebulan sahaja berbanding purata harga sewaan pasaran di kawasan sama sebanyak RM1,200 sebulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 4 APRIL 2023 (SELASA)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah pihak DBKL memantau harga jualan makanan dan minuman yang ditawarkan oleh penyewa-penyewa gerai, sedangkan kini terdapat harga makanan yang dijual di gerai hampir sama dengan harga yang ditawarkan oleh pihak restoran yang terpaksa menanggung kos sewa yang lebih tinggi berbanding dengan penyewa gerai yang hanya membayar sewa nominal atau lebih murah daripada DBKL.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hanya melesenkan peniaga dan pelesen perlu mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pengawalan harga jualan adalah di luar bidang kuasa DBKL. Namun begitu, DBKL saling bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti *Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup* (KPDN) dalam memantau kawalan harga bahan mentah seperti yang ada di pasar / pusat beli-belah (*supermarket*) di sekitar Kuala Lumpur.

2. Bagi pemantauan isu kenaikan harga jualan makanan di gerai-gerai atau penjaja-penjaja di sekitar Kuala Lumpur, DBKL menggalakkan pengguna tampil melaporkan aduan secara terus kepada KPDN agar tindakan lanjut dapat diambil bagi melindungi hak pengguna dan masyarakat. KPDN telah menyediakan sembilan (9) saluran aduan kepenggunaan daripada pelbagai platform bertujuan meningkatkan tahap keberkesanan aduan seperti berikut :

- (i) Aplikasi telefon pintar iaitu EzAdu;
- (ii) Portal e-Aduan;
- (iii) Talian Whatsapp (019-279 4317 / 019-848 8000)
- (iv) Talian Hotline (1-800-886-800)
- (v) Emel (e-aduan@kpdn.gov.my);
- (vi) Enforcement Command Centre (ECC);
- (vii) Bilik Gerakan Penguatkuasa Negeri;
- (viii) Hadir sendiri ke pejabat KPDN terdekat; dan
- (ix) Menulis surat kepada KPDN

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 5 APRIL 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah keseluruhan rumah yang terlibat dengan isu pengambilan tanah Rumah Teres dan Flat Sungai Baru di Kampung Baru dan berapakah jumlah pemilik rumah yang tidak bersetuju untuk berpindah.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemaju telah menawarkan cadangan pembangunan secara usahasama kepada pemilik-pemilik sejumlah **329 lot teres**, lot pencawang elektrik dan unit flat.
2. Pemilik-pemilik **219 lot teres** dan unit flat atau 66.6% daripada jumlah keseluruhan 329 lot teres, lot pencawang elektrik serta unit flat yang terlibat, **telah bersetuju** dengan tawaran usahasama pemaju. Manakala, pemilik-pemilik **110 lot teres, lot pencawang elektrik serta unit flat** atau 33.4% **tidak bersetuju** dengan tawaran usahasama pemaju dan terlibat dalam pengambilan balik tanah. Lot-lot yang tidak bersetuju dengan tawaran usahasama pemaju ini dimiliki oleh 166 pemilik berdaftar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN**

SOALAN

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cara penyelesaian mengenai isu tanah di Kampung Baru, Kuala Lumpur dan adakah pihak Kerajaan masih ingin meneruskan usaha memajukan tanah di Kampung Bharu.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan hari ini komited untuk membangunkan semula Kampong Bharu sebagai pusat perdagangan dan petempatan yang inklusif di Kuala Lumpur selari dengan visi Pelan Induk Pembangunan Kampong Bharu 2040 (PIPKB 2040) yang telah disediakan untuk memandu perancangan dan pembangunan Kampong Bharu.
2. Melalui konsep pembangunan secara organik, pembangunan mengikut blok pembangunan atau plot-plot kecil merupakan kaedah pembangunan yang lebih realistik dan boleh laksana melalui pendekatan pembangunan yang lebih fokus, mengikut kawasan keutamaan dan mengambilkira kompleksiti sesuatu kawasan. Perancangan mengikut blok pembangunan ini juga melibatkan penyertaan pemilik tanah serta semua pihak berkepentingan bagi memastikan pembangunan yang dijalankan memberikan manfaat dari aspek fizikal, ekonomi dan sosial.
3. Proses pembangunan di Kampong Bharu ini banyak melibatkan proses pembangunan semula. Justeru, bagi memastikan pembangunan semula dapat dilaksanakan dengan lancar, beberapa pendekatan dilaksanakan seperti berikut:
 - a. Pelaksanaan program untuk mempromosikan blok-blok pembangunan kepada pemaju dan pelabur dalam dan luar negara oleh JWP bersama PKB;
 - b. Penglibatan pemilik tanah secara usahama dengan pemaju swasta untuk membangunkan tanah milik mereka atau inisiatif pemilik tanah yang berkeupayaan

NO SOALAN: 52

membangunkan secara bersendirian dan juga penglibatan Kerajaan untuk membangunkan pembangunan bagi tujuan awam;

- c. JWP melalui PKB memantau proses rundingan atau libat urus diantara pemilik tanah dengan pemaju bagi memastikan kepentingan kedua-dua pihak tercapai dan berjalan lancar; dan
- d. Pemaju mengadakan rundingan secara usahasama dengan pemilik tanah dan perlu mendapatkan persetujuan terhadap tawaran pembangunan sekurang-kurangnya 50% bagi membolehkan kaedah pengambilan tanah dilaksanakan berdasarkan Seksyen 3(1)(b) dan (c) Akta Pengambilan Tanah 1960.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW

SOALAN

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai sebarang strategi dan pelan tindakan yang kukuh untuk mengatasi masalah kekurangan tempat parkir dan kekurangan pengangkutan awam yang begitu serius di Putrajaya.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menampung kekurangan tempat parkir, Perbadanan Putrajaya telah menyediakan sebanyak 3,582 petak tempat letak kereta (TLK) tambahan serta membenarkan sebanyak 1,681 petak TLK tambahan milik swasta beroperasi di kawasan pusat bandar.
2. Perbadanan Putrajaya juga telah menyediakan perkhidmatan Bas Henti-Henti di Wilayah Persekutuan Putrajaya sejak tahun 1999 dan telah ditambah baik melalui perkhidmatan Rapid Bus Sdn. Bhd. (RBSB) yang telah mula beroperasi pada 1 Januari 2023 dengan mengekalkan nama perkhidmatan bas sebagai Nadiputra Putrajaya.
3. Tujuh (7) laluan telah diperkenalkan secara transit dengan waktu operasi bermula dari jam 6.30 pagi hingga jam 8.00 malam pada hari Isnin hingga Jumaat dan dari jam 7.00 pagi hingga 8.00 malam pada hari minggu dan kelepasan am.
4. Bas Perantara MRT dengan penyediaan lima (5) laluan perkhidmatan dari Terminal Putrajaya Sentral/Stesen MRT Putrajaya Sentral akan memulakan operasi pada 16 Mac 2023 yang akan melengkapkan perancangan 12 laluan perkhidmatan yang dicadangkan untuk perkhidmatan bas di Putrajaya.
5. Selain itu juga, pengenalan perkhidmatan van e-hailing di Putrajaya sebagai projek perintis oleh Syarikat Kumpool Sdn. Bhd. menjelang April 2023 dijangka akan dapat menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam pilihan kepada pengguna di Putrajaya bagi kawasan-kawasan yang tidak disediakan perkhidmatan bas Nadiputra dan bas perantara MRT.

NO SOALAN: 71

6. Untuk penyelesaian jangkamasa panjang pengangkutan awam di Putrajaya, Kementerian Pengangkutan Malaysia sedang menyediakan Kajian Pengangkutan Awam di Putrajaya, Cyberjaya, Bangi dan Kajang yang bertujuan untuk mengenal pasti opsyen pengangkutan awam yang bersesuaian dan berdaya maju (*viable*) bagi koridor Putrajaya, Cyberjaya, Bangi dan Kajang.

Sekian, terima kasih.